

## Mahasiswa Kelab Penyayang Ceriakan Penghuni Permata Al-Insyirah



Kuantan, 6 Mac – Seramai 38 pelajar Kelab Penyayang Universiti Malaysia Pahang (UMP ) mencerikan penghuni Rumah Anak Yatim dan Fakir Miskin Permata Al- Insyirah Kuantan baru-baru ini.

Menurut Pengarah Kelab Penyayang, Amira Muhammad Mustafa, 21, program ini bertujuan untuk mendekatkan pelajar dengan kanak-kanak ini di samping memberi motivasi kepada mereka dan sebagai salah satu cara untuk kami menabur bakti kepada masyarakat.

"Selain itu menerusi program ini dapat memupuk keyakinan diri anak-anak yatim selain daripada menekankan kemahiran belajar dan mengurus masa. Program yang bermula jam 2 petang itu dimulakan dengan pembahagian kepada beberapa kumpulan dan diteruskan dengan aktiviti.

"Selepas itu, kami bersama-sama menunaikan Solat Asar secara berjemaah. Aktiviti seterusnya kami membantu untuk mengemas dan menyusun barang-barang sebagai persediaan untuk program lain pada pada sebelah malamnya.



Pengurus Kebajikan Hal Ehwal Anak Yatim, Salawati Hassan pula berkata, beliau amat berbesar hati dengan program motivasi yang dijalankan ini oleh UMP ini. Program sebegini bukan sahaja dapat menggembirakan anak-anak ini malah dapat meningkatkan motivasi mereka dalam pelajaran.

Beliau selalu menekan kepentingan untuk mereka berjaya dalam pelajaran seterusnya dapat mengubah hidup mereka kerana kadang kala mereka terleka dan kurang bermotivasi untuk berjaya dalam pelajaran. Hasratnya, UMP dapat meneruskan program sebegini untuk kita sama-sama berganding bahu untuk kejayaan mereka.

Menurut salah seorang anak yatim, Siti Rokiah Mat Nor,13, berkata kehadiran kakak dan abang dari UMP ini sememangnya dinantikan. Hari ini dia dan rakan-rakannya berasa amat gembira dengan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Rokiah yang tinggal bersama kakaknya Nur Syakila Mohd Nor,15 di sini sejak dua tahun lalu mengharapkan pelajar UMP dapat berkunjung lagi ke sini untuk berkongsi pengalaman tinggal di kampus dan memberikan mereka kata-kata semangat yang menjadi sumber inspirasi kepada mereka untuk berjaya dalam kehidupan.



Sementara itu pada hari yang sama turut berlangsung Majlis Kesyukuran bersempena pengambaran telemovie bertajuk 'Rajuk' yang bakal ditayangkan di TV9 tidak lama lagi.

Majlis dianjurkan Tanah Beris Film Production Sdn Bhd dengan kerjasama Syarikat Kembara Sufi Sdn Bhd ini diserikan dengan kehadiran Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan wanita dan Keluarga, Komunikasi dan Multimedia Pahang, Datuk Shahniza Shamsuddin yang hadir bersama beberapa artis seperti Shamsul ghau-ghau, Niezam Zaidi dan Shahrul AFS bagi menceriakan kanak-kanak tersebut di rumah berkenaan.

**Disediakan Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC**

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 14-03-2016, 14:31:21